



Ruj. Kami : KUDR/TNBS/A/05/24/0001 ( 13 )  
Ruj. Tuan : TNB(B)PERA/ASIT/MSVT4890  
Tarikh : 5 Ogos 2024

**Tenaga Nasional Berhad**  
Wisma Tenaga Nasional Berhad,  
Jalan Lahat,  
30200 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan  
(u.p: En Mohammad Rosdi bin Husin)

Tuan/Puan,

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN KEBENARAN  
MENJALANKAN KERJA MSVT MEWUJUDKAN PE BARU UNTUK  
MENYELESAIKAN ISU LOW VOLTAGE DI BATU 10 LEKIR**  
**PERKARA : MAKLUMBALAS KELULUSAN IZIN LALU (PDT MANJUNG)**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan kebenaran laluan Izin lalu pihak tuan telah mendapat kelulusan sebagaimana berikut:

BIL.	NAMA JALAN	PBM/PBT	JUMLAH (RM)
1.	JALAN HJ HAMZAH, KAMPUNG BATU 10 LEKIR	PDT MANJUNG	RM 5,000.00 (Deposit Keselamatan)

3. Sehubungan itu, bagi proses kelulusan permit kerja, pihak Tuan/Puan dikehendaki mematuhi dan melengkapkan syarat-syarat seperti yang dinyatakan di lampiran. Pihak Tuan/Puan hendaklah mengemukakan kepada pihak kami untuk tindakan seterusnya.

4. Pihak Tuan/Puan diminta untuk mengemukakan insurans **“Contractor’s All Risk”** yang meliputi insurans kerja dan polisi tanggungan awam sepertimana yang dinyatakan di **Jadual 2** untuk menanggung rugi (*indemnity*) di mana tempoh sah lakunya bermula dari **Tarikh Milik Tapak sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan / “Defected Liability Period” (DLP)**. Insurans tersebut hendaklah juga melindungi (*insured*) **Pejabat Daerah dan Tanah Manjung, Pentadbir Tanah Manjung berkenaan serta wakilnya yang terlibat secara langsung dengan kerja tersebut.**





Ruj. Kami : KUDR/TNBS/A/05/24/0001 (13 )  
Tarikh : 5 Ogos 2024

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN KEBENARAN  
MENJALANKAN KERJA MSVT MEWUJUDKAN PE BARU UNTUK  
MENYELESAIKAN ISU LOW VOLTAGE DI BATU 10 LEKIR**  
**PERKARA : MAKLUMBALAS KELULUSAN IZIN LALU (PDT MANJUNG)**

5. Pihak Tuan/Puan juga diminta untuk menjelaskan bayaran caj perkhidmatan bagi membolehkan permohonan kelulusan permit pihak Tuan/Puan diproses. Bersama-sama ini disertakan sebut harga **QT-05-0001** bertarikh **12 Jun 2024** untuk disetujui terima pihak Tuan/Puan.

6. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Pejabat Tanah seperti di lampiran.

7. Untuk makluman pihak Tuan/Puan, kelulusan izinlalu ini hanya sah dalam tempoh 6bulan (**180 hari**) sahaja bermula dari tarikh **01 Julai 2024** sehingga tamat **31 Disember 2024** dan pihak Tuan/Puan perlu melengkapkan syarat -syarat seperti yang dinyatakan di atas dalam tempoh tersebut. Sekiranya pihak Tuan/Puan gagal berbuat demikian, permohonan pihak Tuan/Puan akan **DIBATALKAN** dan pihak Tuan/Puan perlu membuat permohonan yang baru kepada pihak kami.

8. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami **En Wan Mohd Fakrullah Bin Wan Mohd Fakri** di talian **017-9076802** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapkan berdasarkan senarai semak sahaja akan terima.

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

.....  
(**HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH**)  
Pengurus Koridor Negeri  
**Koridor Utiliti Darul Ridzuan**

OPS/09082024/HasnitaWan

